

30/11/1997

Arahan kepada misi pelaburan

SUBANG: Kerajaan negeri yang mahu mengadakan misi pelaburan ke luar negara perlu mendapatkan kebenaran Kerajaan Pusat dahulu berikutan keadaan semasa ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada pemberita sekembalinya dari lawatan kerja dua hari ke Tokyo selepas menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver, Perdana Menteri berkata kerajaan negeri perlu memberi penjelasan mengapa misi itu perlu diadakan dan hasil lawatan berkenaan.

Arahan itu adalah sebahagian daripada langkah berjimat kerajaan berikutan masalah ekonomi disebabkan kejatuhan nilai ringgit. Sebelum ini, kerajaan mengarahkan supaya misi perdagangan ke luar negara oleh kerajaan negeri dan Pusat dikaji semula dan jika perlu dikurang atau dibatalkan.

Mengenai pelan tindakan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang diumumkannya baru-baru ini, Perdana Menteri berkata kerajaan sudah mempunyai idea mengenainya tetapi belum boleh mengumumkannya sekarang.

Menurutnya, struktur keanggotaan, pelan tindakan dan bidang kuasa majlis itu akan diumumkan ketika pelancarannya nanti.

Turut hadir menyambut kepulangan Dr Mahathir ialah Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha serta Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

Perdana Menteri turut memberi jaminan bahawa harga barangan kawalan tidak akan dinaikkan walaupun berlaku kenaikan harga barangan pengguna di pasaran.

"Minyak masak tak naik. Kita tak benar. Barangan kawalan tidak naik," katanya.

Mengenai kebenaran membenarkan industri berintensifkan buruh mengambil pekerja asing, Dr Mahathir menjelaskan, kerajaan hanya membenarkan kemasukan lebih ramai pekerja asing kepada syarikat yang mengeksport 100 peratus keluarannya.

"Kita sudah menyemak semula dasar lalu yang ingin mengurangkan industri intensif buruh kerana kita perlu mengeksport lebih banyak. Sebolehnya syarikat perlu menyerap pekerja asing yang ada di sini dan kita harap mereka kurangkan penggunaan buruh dengan menggunakan automasi dan robot," katanya.

Menurutnya, beberapa syarikat yang menggunakan automasi dan robot memberitahu pengeluaran mereka meningkat walaupun terpaksa melabur dalam mesin berkenaan.

Ditanya sama ada langkah itu akan merugikan negara kerana pekerja asing sudah tentu menghantar pendapatan mereka balik ke negara asal sekali gus menyebabkan pengaliran keluar wang dari negara ini, Dr Mahathir menjelaskan:

"Kalau ia (industri) tak masuk langsung tak ada juga. Sekurang-kurangnya ada juga yang masuk. Kalau tak ada industri itu (yang berintensifkan buruh), tidak ada tukaran asing, tapi jika pengaliran masuk pun tak ada, kosonglah."

"Lebih baik lagi kita adakan industri, sedikit sebanyak kita dapat mengeluarkan barangan untuk 100 peratus dieksport dan ini menyebabkan kemasukan tukaran wang asing." Ketika berucap kepada 36 pemimpin perniagaan Jepun di Tokyo kelmarin, Perdana Menteri berkata Malaysia telah menghentikan dasar tidak menggalakkan industri berintensifkan buruh tetapi ia hanya untuk industri berorientasikan eksport.

(END)